

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR - BN]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 104)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membangunkan lebih banyak padang hoki astro-turf untuk kemajuan sukan hoki negara, sebagai contoh bagi kawasan Utara, adakah cadangan untuk dibina di Padang Besar, Perlis.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia Dan Sukan buat masa ini tiada perancangan untuk membina padang hoki sintetik di Padang Besar Perlis.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Tuan Liang Teck Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan pemberian subsidi baja dalam bentuk baja organik sebagai salah satu langkah mengurangkan pencemaran tanah dan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya telah menyediakan baja organik kepada pesawah di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Baja organik merupakan baja tambahan yang diberikan kepada pesawah mengikut kesesuaian tanah sawah yang diusahakan. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mempertingkatkan pemberian subsidi baja ini kerana jumlah dan kadar yang diberikan sudah memadai bagi membantu petani dalam memperbaiki kesuburan tanah dan sekaligus meningkatkan hasil pengeluaran padi di kawasan tersebut.